

USAHA BANTU RAKYAT MISKIN BERJAYA - DR. M

Oleh Douglas Tay

KUALA LUMPUR 15 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan bahawa usaha membantu golongan yang miskin dan mengatasi masalah kemiskinan di negara ini sudahpun berjaya. Menurut Perdana Menteri, sejak merdeka 28 tahun dahulu usaha tersebut dijalankan untuk cuba menolong golongan yang miskin supaya mereka tidak lagi miskin. "Sebenarnya ramai yang dahulunya miskin sekarang tidak miskin lagi. Ada yang sudah mencapai kejayaan..

Mereka yang belum mencapai kejayaan sekalipun sedikit sebanyak mengalami cara hidup yang lebih baik," tambahnya. Ketika berucap di majlis makan malam Ceterabudi anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Johor dan Perak di Hotel Hilton di sini, beliau juga menyeru rakyat supaya menganggap golongan yang mencapai kejayaan dalam hidup mereka sebagai "simbol kejayaan" perjuangan mereka. Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan isteri, Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim,

UM 16 MAR 1985

Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri dan menteri-menteri. Dalam ucapannya, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu Pergerakan Pemuda UMNO dan pihak-pihak lain supaya memberi perhatian kepada aspek peningkatan daya pengeluaran di kalangan golongan miskin. Katanya, soal kemiskinan adalah soal yang komparatif dan langkah untuk mengatasi masalah kemiskinan bukanlah diukur daripada segi pendapatan yang diperolehi oleh golongan itu. "Tetapi kita haruslah bertanya apakah segala barang dalam negara dapat

dibeli dengan sedikit wang sahaja. Kemiskinan dapat diatasi dengan menurunkan harga barang yang kita beli, iaitu barang yang dapat dihasilkan dengan daya pengeluaran yang lebih tinggi. "Dengan wujudnya keadaan ini, kemiskinan akan dapat diatasi dengan sendirinya. Oleh itu, kita hendaklah memberi perhatian kepada aspek peningkatan daya pengeluaran," tambahnya. Perdana Menteri juga mengingatkan supaya Pergerakan Pemuda UMNO jangan terlalu manja - manjakan orang yang miskin kerana itu bukan cara yang menolong mereka.

Sebaliknya, tegasnya lagi, langkah seumpama itu akan hanya menambah beban golongan miskin itu. Beliau berkata, usaha membantu orang miskin sudah berjaya memandangkan ramai yang tidak lagi miskin dan ada yang sudah jadi kaya. "Ini menyebabkan kita sekarang tumpu kepada masalah orang kaya. Orang kaya menjadi sasaran kecaman kerana mereka kaya. Jadi kita nampak seolah-olah tidak tahu matlamat kita. "Kita tidak suka melihat orang miskin tetapi bila mereka menjadi kaya, kita tidak suka melihat juga. Kita tentu terpaksa memilih yang mana kita hendak. "Janganlah kita mengecam

seseorang yang dahulunya miskin dan sekarang sudah kaya. Tambahan pula orang yang dahulunya miskin itu menjadi begitu kaya dan kita merasa benci kepada mereka, iri hati. Ini adalah sifat yang tidak baik," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, setiap orang hendaklah menerima hakikat bahawa apabila orang miskin tidak lagi miskin, dia mungkin akan menjadi kaya.

"Kalau mereka menjadi kaya, kita hendaklah menganggap kejayaan mereka sebagai kejayaan kita.

ujarnya lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian memuji

Pergerakan Pemuda UMNO kerana tidak

tertarik dengan mentaliti subsidi tetapi sebaliknya pergerakan itu bergiat mengatasi masalah kemiskinan dengan merapatkan diri dengan golongan miskin di kampung - kampung.

Katanya, perjuangan

Pergerakan Pemuda

seumpama itu adalah lebih bermakna daripada menghulurkan derma kepada golongan miskin sahaja tanpa melibatkan secara langsung dengan hidup mereka.

Dengan menjadikan kampung - kampung miskin sebagai kampung angkat, menurut Perdana Menteri, anggota - anggota Pemuda UMNO dapat merasa pahit maung kehidupan golongan miskin dan dapat mengatasi masalah kemiskinan dengan lebih berkesan lagi.